



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 5/2004**

TARIKH KELUARAN: 3 APRIL 2008



**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh keluaran: 3 April 2008**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh keluaran: 3 April 2008**

**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN PENYELIDIKAN
TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 5/2004**

1. Tambahan ini memberi penjelasan dan layanan berkaitan dengan:
 - (a) potongan khas yang diberi kepada suatu syarikat perintis di bawah subseksyen 34A(4A), Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP); dan
 - (b) penentuan pendapatan larasan syarikat perintis yang telah membuat pilihan di bawah subseksyen 34A(4A), ACP.

Tambahan ini juga memberi penjelasan selanjutnya kepada Ketetapan Umum No. 5/2004 berkaitan dengan:

 - (c) takrifan syarikat pegangan - perenggan 15.5 dan 16.3; dan
 - (d) amaun yang dituntut dalam pengiraan cukai - perenggan 20.
2. Peruntukan yang berkaitan adalah proviso kepada subseksyen 34A(4), subseksyen 34A(4A) and 34A(6), ACP.
3. Perkataan yang digunakan dalam ketetapan ini mempunyai maksud seperti berikut:
 - 3.1 "Aktiviti digalakkan" bermaksud aktiviti pengilangan, pertanian, pertanian bersekutu, hotel, pelancongan atau aktiviti perindustrian atau perdagangan lain yang ditentukan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
 - 3.2 "Perbelanjaan penyelidikan yang layak" bermaksud perbelanjaan yang disebutkan secara spesifik dalam perenggan 13 dan 14 Ketetapan Umum No. 5/2004.
 - 3.3 "Perniagaan selepas perintis" ertinya perniagaan suatu syarikat perintis yang disifatkan di bawah seksyen 15 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP) sebagai telah ditubuhkan dan bermula pada sehari selepas berakhirnya tempoh pelepasan cukai.
 - 3.4 "Syarikat perintis" bermaksud suatu syarikat yang diperakui oleh sijil perakuan perintis yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (KPAI) dan mempunyai makna yang diberikan di bawah APP.
4. **Pilihan oleh syarikat perintis - subseksyen 34A(4A), ACP**
 - 4.1 Suatu syarikat perintis yang telah melakukan perbelanjaan penyelidikan yang layak untuk suatu projek yang diluluskan dalam tempoh pelepasan cukai, boleh membuat pilihan supaya perbelanjaan tersebut diberi potongan dalam tempoh asas pertama bagi perniagaan selepas perintis untuk

sesuatu tahun taksiran. Pilihan hendaklah dibuat bagi setiap tahun taksiran yang berkaitan.

- 4.2 Dengan membuat pilihan ini, perbelanjaan penyelidikan yang layak bagi setiap tahun taksiran berkaitan akan dikumpulkan dan dihantar hadapan untuk diberi potongan dalam tempoh asas pertama bagi perniagaan selepas perintis dan bukannya potongan dua kali dalam setiap tahun taksiran yang berkaitan. Amaun potongan yang dibenarkan dalam tempoh selepas perintis adalah bersamaan dengan jumlah perbelanjaan penyelidikan yang layak yang dilakukan untuk setiap tahun taksiran.
- 4.3 Pengenalan subseksyen 34A(4A), ACP berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

Contoh 1:

Sokudu Electronics Sdn Bhd (Sokudu Electronics) terletak di Shah Alam dan mula beroperasi pada 01/01/2003. Syarikat tutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah diluluskan dengan taraf perintis bagi aktiviti digalakkan dan hari pengeluaran ditetapkan pada 01/07/2003 seperti dinyatakan dalam sijil perakuan perintis. Tempoh pelepasan cukai adalah dari 01/07/2003 hingga 30/06/2008. Sokudu Electronics melakukan perbelanjaan atas penyelidikan yang dijalankan oleh syarikat dan memilih untuk diberi potongan cukai di bawah subseksyen 34A(4A), ACP. Butir-butir perbelanjaan adalah seperti berikut:

Tempoh	Perbelanjaan penyelidikan yang dituntut (RM)	Perbelanjaan tidak layak selepas audit (RM)	Perbelanjaan penyelidikan yang layak (RM)	Untung bersih seperti akaun Untung- Rugi (RM)
01/01/2003 - 30/06/2003	100,000	10,000	90,000	320,000
01/07/2003 - 31/12/2003	TIADA	TIADA	TIADA	400,000
01/01/2004 - 31/12/2004	300,000	TIADA	300,000	800,000
01/01/2005 - 31/12/2005	500,000	50,000	450,000	1,230,000
01/01/2006 - 31/12/2006	TIADA	TIADA	TIADA	1,800,000
01/01/2007 - 31/12/2007	1,000,000	150,000	850,000	2,300,000
01/01/2008 - 30/06/2008	TIADA	TIADA	TIADA	1,360,000
01/07/2008 - 31/12/2008	200,000	TIADA	200,000	1,500,000



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh keluaran: 3 April 2008**

Penyelidikan yang dijalankan setiap tahun taksiran telah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Amaun perbelanjaan penyelidikan yang diluluskan dan dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar syarikat di bawah seksyen 34A dan subseksyen 34A(4A) adalah seperti berikut:

Tempoh	Perbelanjaan penyelidikan yang layak (RM)	Amaun yang dibenarkan potongan (RM)
01/01/2003 - 30/06/2003	90,000	180,000
01/07/2003 - 31/12/2003	TIADA	TIADA
01/01/2004 - 31/12/2004	300,000	300,000
01/01/2005 - 31/12/2005	450,000	450,000
01/01/2006 - 31/12/2006	TIADA	TIADA
01/01/2007 - 31/12/2007	850,000	850,000
01/01/2008 - 30/06/2008	TIADA	TIADA
01/07/2008 - 31/12/2008	200,000	400,000

01/01/2003 - 30/06/2003 (tempoh pra-perintis) : RM180,000 (RM90,000 X 2)

01/01/2004 - 31/12/2004 (tempoh perintis) : RM300,000

01/01/2005 - 31/12/2005 (tempoh perintis) : RM450,000

01/01/2007 - 31/12/2007 (tempoh perintis) : RM850,000

01/07/2008 - 31/12/2008 (tempoh selepas perintis) : RM400,000 (RM200,000 X 2)

Sokudu Electronics layak menuntut potongan dua kali untuk perbelanjaan penyelidikan yang layak yang dilakukan dalam tempoh pra-perintis dan tempoh selepas perintis di bawah seksyen 34A, ACP. Manakala untuk perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan dalam tempoh pelepasan cukai (01/07/2003 - 30/06/2008), syarikat boleh memilih untuk mengumpulkan perbelanjaan penyelidikan yang layak berjumlah RM1,600,000 dan dibawa hadapan ke tempoh asas pertama bagi perniagaan selepas perintis mengikut subseksyen 34A(4A), ACP. Amaun ini akan diberi potongan daripada pendapatan kasarnya untuk tempoh 01/07/2008 hingga 31/12/2008.

5. **Penentuan pendapatan larasan syarikat perintis yang telah membuat pilihan di bawah subseksyen 34A(4A), ACP**

Contoh berikut memberi ilustrasi bagi penentuan pendapatan larasan syarikat perintis yang telah membuat pilihan di bawah subseksyen 34A(4A), ACP.

Contoh 2:

Dengan menggunakan fakta dalam Contoh 1 dan mengandaikan Sokudu Electronics menuntut perbelanjaan penyelidikan dalam akaun Untung-Rugi untuk semua tahun taksiran berkaitan dan tiada perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan percukaian dituntut dalam akaun Untung-Rugi. Pengiraan pendapatan larasan Sokudu Electronics selepas potongan perbelanjaan penyelidikan yang layak untuk tahun taksiran 2003 dan 2008 adalah seperti berikut :

	TT 2003		TT 2008	
	Pra-perintis	Perintis	Perintis	Selepas perintis
Untung bersih seperti akaun U/R	320,000	400,000	1,360,000	1,500,000
Tambah: Perbelanjaan penyelidikan	<u>100,000</u>	-	-	<u>200,000</u>
	420,000	-	-	1,700,000
Tolak: Perbelanjaan penyelidikan yang layak	<u>180,000</u>	-	-	<u>*1,700,000</u>
Pendapatan larasan	<u>240,000</u>	<u>400,000</u>	<u>1,360,000</u>	<u>Tiada</u>
Perb. penyelidikan hantar hadapan				<u>300,000</u>

* Perb. penyelidikan yang layak yang dikumpulkan dalam tempoh pelepasan cukai : RM1,600,000
 Perb. penyelidikan yang layak untuk tempoh selepas perintis : 400,000
 Jumlah perb. penyelidikan yang layak : **2,000,000**

6. Prosedur permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi projek/aktiviti penyelidikan seperti dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 5/2004 juga terpakai kepada syarikat perintis.

7. Untuk memberi penjelasan selanjutnya kepada maksud syarikat pegangan berhubung dengan projek penyelidikan dan perbelanjaan penyelidikan bagi syarikat-syarikat berkaitan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 15.5 dan



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh keluaran: 3 April 2008**

16.3 Ketetapan Umum No 5/2004, perenggan-perenggan tersebut digantikan dengan perenggan-perenggan berikut:

15.5 Projek penyelidikan untuk syarikat-syarikat berkaitan

Sebagai konsesi, syarikat pegangan yang menjalankan projek/aktiviti penyelidikan di pusat penyelidikannya bagi pihak syarikat-syarikat dalam kumpulannya boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi projek/aktiviti penyelidikan bagi pihak syarikat subsidiarinya atau syarikat sekutunya. Walau bagaimanapun, butiran terperinci bagi setiap syarikat subsidiari atau syarikat sekutu hendaklah dikemukakan dengan jelas dan secara berasingan. Untuk tujuan ketetapan ini, suatu syarikat pegangan merujuk kepada suatu syarikat yang semata-mata menjalankan aktiviti penyelidikan dan memberikan perkhidmatan penyelidikan kepada syarikat subsidiari atau syarikat sekutu.

16.3 Perbelanjaan penyelidikan untuk syarikat berkaitan

Dalam kes di mana penyelidikan dijalankan oleh syarikat pegangan yang dirujuk dalam perenggan 15.5 untuk syarikat subsidiari atau syarikat sekutunya, perbelanjaan yang dibenarkan yang dilakukan berkaitan dengan sesuatu projek yang dijalankan bagi pihak syarikat subsidiari atau syarikat sekutu hendaklah diagihkan kepada setiap syarikat. Syarikat subsidiari atau syarikat sekutu boleh membuat tuntutan bagi mendapatkan potongan dua kali berasaskan agihan perbelanjaan yang dibuat oleh syarikat pegangan. Fi penyelidikan yang dibayar kepada syarikat pegangan yang berkenaan tidak akan dibenarkan potongan dua kali. Syarikat pegangan pula tidak layak menuntut potongan dua kali bagi perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan itu.

8. Perenggan 20 Ketetapan Umum No. 5/2004 digantikan dengan perenggan berikut untuk memberi penjelasan selanjutnya berhubung cara menentukan pendapatan larasan syarikat yang layak menuntut potongan perbelanjaan penyelidikan di bawah seksyen 34A, ACP.

20. Amaun yang dituntut dalam pengiraan cukai

Amaun potongan adalah dua kali amaun perbelanjaan yang bukan berjenis modal yang dilakukan dalam tempoh asas. Untuk memastikan bahawa hanya perbelanjaan penyelidikan yang layak diberi potongan dua kali, tuntutan perbelanjaan penyelidikan yang telah dicajkan ke dalam akaun Untung-Rugi akan dilaraskan dalam pengiraan cukai. Pelarasan dibuat dengan menambah balik dalam pengiraan cukai amaun perbelanjaan penyelidikan yang dituntut dalam akaun Untung-Rugi, diikuti dengan potongan dua kali perbelanjaan penyelidikan yang layak. Jika perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan itu dimodalkan dalam penyata kira-kira, satu potongan sebanyak dua kali jumlah perbelanjaan yang layak akan dibenarkan. Walau bagaimanapun, amaun potongan bagi



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF POTONGAN DUA KALI
TERHADAP PERBELANJAAN
PENYELIDIKAN**

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 5/2004
Tarikh keluaran: 3 April 2008**

syarikat perintis yang membuat pilihan di bawah subseksyen 34A(4A), ACP adalah hanya amaun perbelanjaan penyelidikan yang layak yang dilakukan oleh syarikat dalam tempoh pelepasan cukai.

9. Tambahan ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 5/2004 dan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**